

Headline	'Perluas takrifan asnaf al-Riqab'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,958
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,874



# 'Perluas takrifan asnaf al-Riqab'

**Petaling Jaya:** Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) diminta memperluas takrifan asnaf al-Riqab dengan meletakkan golongan yang terbabit dengan gejala sosial seperti penagih dadah turut memperoleh bantuan zakat.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha, berkata pengagihan bantuan zakat kepada golongan asnaf kelima yang mahu dipulihkan itu sudah dilaksanakan di Selangor dan wajar diikuti negeri lain dalam usaha menangani masalah sosial di negara ini.

"JAKIM menyokong usaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan meminta negeri lain turut memperluaskan konsep al-Riqab dalam agihan wang zakat mereka.

"Usaha ini diharap dapat membebaskan mereka yang terperangkap dalam gejala sosial sekali gus menjamin akidah umat Islam dari terus terbelenggu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pemerkasaan Ummah Kebangsaan 2014 dan melancarkan buku *Manual Sosial* terbitan JAKIM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Setiausaha MAIS, Ahmad Shahir Makhtar.

Sementara itu, Ahmad Shahir berkata pihaknya menyenaraikan hampir 45 golongan termasuk dalam kategori asnaf al-Riqab yang perlu diberi

bantuan termasuk penghidap HIV/AIDS; lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) serta pelacur yang ingin membebaskan diri.

## Definisi tak lagi sesuai

Beliau berkata takrifan al-Riqab dahulunya merujuk kepada golongan hamba yang perlu dibebaskan dan kini definisi itu tidak lagi sesuai dan perlu diperluaskan kepada golongan terbabit dalam gejala sosial atau terpesong akidah.

"Kami melaksanakan konsep ini selaras dengan fatwa diwartakan di Selangor pada 2012 yang mentakrifkan riqab sebagai seorang yang terbelenggu di bawah kuasa yang menghalang kebebasan dirinya.

"Seramai 700 umat Islam yang layak dan mahu memulihkan akhlak dan akidah mereka sudah menerima bantuan yang diberikan menerusi perantara seperti 18 rumah perlindungan yang berdaftar.

"Mereka yang sudah pulih seperti bekas penagih dadah juga dibantu menerusi kategori asnaf golongan miskin yang membolehkan mereka bebas dari belenggu kemiskinan," katanya.

Tujuh lagi asnaf yang menerima bantuan zakat adalah golongan fakir, miskin, amil, mualaf, gharimin (penghutang muslim), fisabillillah (orang yang berjuang kerana Allah) dan ibnus sabil (musafir).

Headline	'Perluas takrifan asnaf al-Riqab'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,958
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,874



Othman (tengah) bersama Ahmad Shahir (kiri) dan Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM, Zakuan Sawai **membelek buku Manual Sosial** di Kompleks Tabung Haji, Petaling Jaya, semalam. [FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]